



USTAZ MUHAMMAD  
ABDULLAH AL-AMIN

# KETAHUI HAK WANITA YANG DICERAIKAN

**A**JAL, MAUT, JODOH DAN PERTEMUAN ADALAH RAHSIA ALLAH SWT. SEGALANYA TELAH DITETAPKAN OLEH-NYA SEJAK AZALI LAGI.

Pada perbincangan lepas, saya ada membincangkan mengenai isu perceraian yang kian meruncing dan membimbangkan di kalangan masyarakat Islam hari ini. Di samping itu, saya ada menyentuh beberapa perkara penting mengenai perceraian termasuklah dari sudut hak.

Mungkin ramai wanita di luar sana yang masih kabur dan tidak memahami perihal hak selepas berlakunya perceraian dengan jelas. Maka, saya terpenggil untuk memperincikan hal ini dengan lebih jelas lagi agar nasib wanita khususnya di negara ini akan terbelak.

Sebagaimana yang dibincangkan pada artikel keluaran lalu, setelah jatuhnya talak ke atas seorang isteri, dia (isteri) wajib mendapat enam perkara:-

## 1)NAFKAH IDAH

Nafkah idah ialah nafkah yang wajib dibayar oleh bekas suami kepada bekas isteri di dalam tempoh idah talak Raj'ie (idah bagi perceraian yang boleh dirujuk semula) disebabkan sesuatu perceraian. Antara nafkah yang wajib diberikan ialah makanan, pakaian dan tempat tinggal mengikut Hukum Syarak.

## 2)NAFKAH TERTUNGGAK

Menjadi tanggungjawab bagi suami untuk menyediakan nafkah kepada isteri sebagaimana firman Allah yang bermaksud:

*Dan kewajiban ayah memberi makan dan pakaian kepada para ibu dengan cara makruf. Seseorang tidak dibebani melainkan menurut kadar kesanggupannya.*

(Surah al-Baqarah: 233)

Perintah ini wajib dijalankan selagi mana isteri tersebut taat kepada suaminya. Maka, suami bertanggungjawab menyediakan nafkah kepada isteri termasuklah makanan, pakaian, tempat tinggal, perkakas rumah dan lain-lain lagi menurut keadaan dan adat di tempat masing-masing berdasarkan juga

kemampuan suami untuk menyediakan keperluan tersebut.

Sekiranya suami gagal menyediakan segala nafkah sedangkan isteri taat kepadanya, sentiasa menjaga maruah diri dan menjaga rumah tangga suami, maka segala nafkah itu akan menjadi hutang ke atas suami. Apabila berlakunya perceraian, isteri berhak menuntut nafkahnya yang tertunggak itu.

Dalam menuntut hak di mahkamah, isteri hendaklah membuktikan kepada mahkamah bahawa sepanjang perkahwinannya itu, suami telah gagal menyediakan keperluan nafkahnya. Maka, tunggakan nafkah ini akan menjadi tanggungjawab kepada suami untuk dilunasi.

## 3)MUT'AH


Mut'ah bermaksud pemberian oleh suami kepada isteri yang diceraikan sebagai pemberian saku hati. Perintah ini termaktub di dalam al-Quran, sebagaimana firman Allah s.w.t yang bermaksud:

*Dan isteri-isteri yang telah diceraikan, berhak mendapat mut'ah (pemberian saku hati) dengan cara yang patut, sebagai satu tanggungan yang wajib atas orang yang bertaqwa.*

(Surah al-Baqarah: 241)

Bahkan, hukum syarak jelas menyebut tentang kewajipan seorang lelaki membayar mut'ah kepada isteri yang telah diceraikan sepertimana yang disebutkan dalam firman yang bermaksud:

*Tidaklah kami bersalah (dan tidaklah kamu menanggung bayaran mas kahwin) jika kamu cerai*



isteri-isteri kamu sebelum kamu sentuh (bercampur) dengan mereka (sebelum) kamu menetapkan mas kahwin untuk mereka, walaupun demikian, hendaklah kamu memberi mu'ah (sagu hati) kepada mereka (yang diceritakan) iaitu suami yang senang menurut kemampuannya dan suami yang susah pula menurut kemampuannya sebagai pemberian sagu hati menurut yang patut lagi menjadi satu kewajipan atas orang-orang yang mahu berbuat kebajikan.

(Surah al-Baqarah: 236)

Namun begitu, tiada cara tertentu untuk menentukan kadar mu'ah. Cuma, terdapat prinsip umum iaitu sesuatu pemberian hendaklah diasaskan kepada kemampuan suami yang menceraikan isterinya itu serta faktor-faktor lain seperti lamanya tempoh sesuatu perkahwinan.

#### 4) HARTA SEPENCARIAN

Harta sepencarian boleh ditakrifkan sebagai harta sama ada harta alih atau tidak alih yang diperoleh bersama oleh pasangan suami isteri semasa kewujudan perkahwinan mereka hasil dari sumber-sumber atau usaha mereka.

Mahkamah akan membuat pertimbangan tertentu termasuklah meneliti sejauh manakah takat sumbangan yang diberikan oleh isteri di dalam mempengaruhi pemerolehan harta tersebut, sekiranya yang diberikan itu besar, maka besarlah bahagian yang akan diperolehnya.

#### 5) HADANAH

Wanita yang diceraiakan juga berhak untuk mendapatkan hak hadanah (penjagaan anak-anak) selepas berlakunya perceraian. Hak hadanah merupakan hak yang paling diambil berat oleh suami ataupun isteri apabila berlakunya perceraian. Ini kerana anak adalah aset yang paling bernilai berbanding dengan tuntutan-tuntutan lain yang lebih

bersifat material. Namun begitu, dalam Undang-Undang Islam sama ada secara teori atau praktikal, telah menetapkan siapakah orang yang paling berhak untuk mendapat hak jagaan anak setelah berlakunya perceraian suami isteri dalam usia anak masih di bawah hak jagaan.

Mengikut peruntukan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam, orang yang paling layak untuk mendapatkan hak hadanah ialah ibu. Namun, sekiranya mahkamah berpendapat bahawa ibu hilang kelayakan di bawah Hukum Syarak dari mempunyai hak hadanah, maka hak itu akan berpindah kepada salah seorang yang berikut mengikut susunan keutamaan yang berikut, iaitu:

1. Nenek sebelah ibu ke atas
2. Bapa
3. Nenek sebelah bapa hingga ke atas
4. Kakak atau adik perempuan seibu sebapa
5. Kakak atau adik perempuan seibu
6. Kakak atau adik perempuan sebapa
7. Anak perempuan dari kakak atau adik perempuan seibu sebapa
8. Anak perempuan dari kakak atau adik seibu
9. Anak perempuan dari kakak atau adik perempuan sebapa
10. Emak saudara sebelah ibu
11. Emak saudara sebelah bapa
12. Waris lelaki yang boleh menjadi warisnya sebagai 'asabah
13. Nafkah anak-anak

#### 6) Nafkah anak-anak

Seterusnya, isteri yang diceraiakan boleh menuntut nafkah bagi anak-anak bawah jajaannya. Nafkah anak-anak termasuklah makanan, pakaian, tempat tinggal, pendidikan dan perkara yang sewajarnya bagi kelangsungan hidup anak-anak. Firman Allah s.w.t, maksudnya:

*Dan jika mereka (isteri-isteri yang sudah ditalak) itu sedang hamil, maka berikanlah kepada mereka nafkahnya hingga mereka bersalin, kemudian jika mereka menyusukan (anak-anak)mu untumu mahu berikanlah kepada mereka upahnya.*

(Surah at-Talaq: 6)

Firman Allah s.w.t lagi yang bermaksud:

*Para ibu hendaklah menyusukan anak-anaknya selama dua tahun penuh, iaitu bagi yang ingin menyempurnakan penyusuan. Dan kewajiban ayah memberi makan dan pakaian kepada para ibu dengan cara makruf.*

(Surah al-Baqarah: 233)

Bagaimanapun, semua tuntutan ini hendaklah dibuat di mahkamah dan hakim akan mengeluarkan perintah terhadap bekas suami. Sekiranya, suami enggan mengikut perintah mahkamah dan isteri masih tidak mendapatkan haknya. Maka, isteri boleh menuntut perintah pengkomitan terhadap bekas suaminya.

Diharapkan perkongsian ini sedikit sebanyak memberikan pemahaman dan panduan kepada semua wanita.

